



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



KEDINAMIKAN POLITIK MELAYU ISLAM UMNO-PAS DARI TAHUN 2008-2018: SOROTAN KAJIAN

THE DYNAMICS OF MALAY-MUSLIM POLITICS OF UMNO-PAS FROM 2008 TO 2018: A REVIEW OF STUDIES

Muhammad Fahmie Nuaiman Noor Azmi^{1*}, Mohammad Tawfik Yaakub², Marzudi Md Yunus³

¹ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Petaling Jaya, KUALA LUMPUR.
Email: fnuaiman94@gmail.com

² Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Petaling Jaya, KUALA LUMPUR.
Email: tawfik@um.edu.my

³ Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Petaling Jaya, KUALA LUMPUR.
Email: marzudi@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Noor Azmi, M. F. N., Yaakub, M. T., & Md Yunus, M. (2025). Kedinamikan Politik Melayu Islam UMNO-PAS Dari Tahun 2008-2018: Sorotan Kajian. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 19-40.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini meneliti kedinamikan parti politik Melayu-Islam, iaitu United Malays National Organisation (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang melihat dalam konteks politik Malaysia dari tahun 2008 hingga 2018. Tempoh ini menyaksikan perubahan signifikan dalam landskap politik negara, terutamanya selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) pada tahun 2008 yang menandakan kemerosotan penguasaan Barisan Nasional (BN) dan kebangkitan Pakatan Rakyat (PR) sebagai kuasa alternatif. Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan kaedah kualitatif dan kajian ini menggunakan Sorotan Kajian. Kajian ini menganalisis beberapa kajian dan artikel jurnal yang menerangkan berkenaan UMNO dan PAS. Hasil dari kajian ini telah menunjukkan terdapat beberapa perubahan yang signifikan terhadap dua buah parti tersebut. UMNO, sebagai parti teras BN menghadapi cabaran dalam mengekalkan sokongan tradisional pengundi Melayu, manakala PAS sebagai parti Islam utama bergelut dengan isu identiti dan strategi politik mereka antara kerjasama dengan 'parti sekular' dan pendekatan Islamis yang lebih tegar. Faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan kedua-dua parti, termasuk persaingan untuk mendapatkan sokongan pengundi Melayu-Islam, isu-isu agama, dan perubahan dinamik dalam aliran politik. Melalui analisis kajian dan artikel, ucapan pemimpin, dan keputusan pilihan raya, kajian ini memberikan gambaran komprehensif tentang evolusi hubungan UMNO-PAS dan implikasinya terhadap masa depan politik Melayu-Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa tempoh 2008-2018 merupakan era penting dalam

transformasi politik Malaysia, dengan UMNO dan PAS memainkan peranan penting dalam membentuk naratif politik Melayu-Islam.

Kata Kunci:

Kedinamikan, Parti Islam Se-Malaysia, Pilihan Raya Umum Ke-12, United Malays National Organisation

Abstract:

This study examines the dynamics of two major Malay-Islamic political parties in Malaysia, United Malays National Organisation (UMNO) and the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) within the country's political context from 2008 to 2018. This period marked a significant shift in Malaysia's political landscape, particularly after the 12th General Election (GE-12) in 2008, which saw a decline in the dominance of Barisan Nasional (BN) and the rise of Pakatan Rakyat (PR) as a viable alternative coalition. The study adopts a qualitative research design through literature review. It analyses various academic studies, journal articles, political speeches, and election results to understand the changing strategies and relationships between UMNO and PAS. The findings indicate that UMNO, as the core party of BN, faced major challenges in retaining traditional Malay voter support, while PAS grappled with the dilemma of maintaining a conservative Islamist stance or cooperating with secular-leaning political parties. Competition for Malay-Muslim voter support, religious issues, and shifts in political dynamics were key factors influencing the relationship between the two parties. This research provides a comprehensive overview of the evolution of UMNO-PAS relations and its implications for the future of Malay-Islamic politics in Malaysia. The period from 2008 to 2018 is identified as a pivotal era in the nation's political transformation, with both UMNO and PAS playing significant roles in shaping the modern Malay-Islamic political narrative.

Keywords:

Dynamics, Pan-Malaysian Islamic Party, 12th General Election, United Malays National Organisation.

Pendahuluan

Perkembangan politik masyarakat Melayu telah bermula sejak awal penubuhan kerajaan pembentukan Melaka melalui pengaruh kemasukan Hindu-Buddha dan Islam. Pada awalnya kerajaan Melayu mengamalkan sistem feudalisme iaitu wujudnya golongan yang diperintah dan golongan yang memerintah. Institusi raja merupakan institusi yang menjadi sanjungan dan sesebuah kerajaan Melayu tidak akan lengkap tanpa Sultan (Ahamad Jama', 2014).

Sehingga kini parti politik Melayu Islam yang dominan adalah United Malay National Organisation (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). PAS dan UMNO dilihat mula menapakkan diri mereka di negeri-negeri seluruh Malaysia sejak awal penubuhan mereka lagi Menurut Muhamad Nadzri (2018), ramai sarjana berpendapat bahawa parti berdasarkan kaum masih relevan di Malaysia di mana bilangan pengikut masih ramai dan menguasai kebanyakan negeri di Pantai Timur khususnya. Melayu merupakan etnik yang tidak dapat dipisahkan dari Malaysia. Etnik Melayu memiliki jumlah penduduk 22,606,197 juta orang atau 68.88%

daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia (Hamid, 2019). Dua entiti parti terbesar Melayu-Islam mencorakkan dinamika politik yang berlaku sehingga kini.

Skop kajian ini lebih bertumpu kepada melihat dinamika politik yang menyentuh perubahan yang berlaku dalam politik UMNO dan PAS pasca PRU-12 yang memperlihatkan UMNO kalah majoriti 2/3 dan kehilangan 5 buah negeri. Terdapat pelbagai perubahan yang dilihat tidak ideal dengan parti UMNO dan PAS khususnya (Khoo, 2013). Kemelut dan isu dalaman seperti pepecahan, kerjasama dengan parti lain dan sebagainya juga dilihat menjadi peranan besar dalam mencorakkan dinamika parti politik Melayu-Islam tersebut. Perkembangan ilmu politik orang Melayu harus didasari dari semasa ke semasa dengan melihat kepada perkembangan parti politik Melayu dan kesannya kepada masyarakat Melayu di negeri Perak secara amnya.

Dinamika Politik

Menurut Muhammad Tawfik (2018), kedinamikan politik di dalam kajian ini dapat ditakrifkan sebagai sebuah sistem politik yang dapat disesuaikan dengan situasi semasa, maju dan berupaya berubah bagi mencapai sesuatu matlamat yang sama. Secara umumnya menurut Drutman (2016), mendefinisikan kedinamikan politik sebagai sebuah sistem politik yang fleksibel.

UMNO sentiasa berusaha untuk menekankan isu pembangunan dan faedah ekonomi hasil kepimpinannya kepada masyarakat Melayu, sedangkan parti pembangkang Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengambil landasan moral yang tinggi dengan menekankan Islam sebagai kunci perpaduan dan kemajuan masyarakat Melayu. UMNO ditubuhkan sebagai parti komunal, matlamatnya adalah untuk melindungi dan mempromosikan komuniti yang ditakrifkan mengikut etnik. Cabaran utama kepada UMNO datang daripada PAS, yang menegaskan keutamaan utama pentadbiran negara bukanlah kaum tetapi agama (Din, Hussain, Kib et al. 2017).

Kedua-dua parti ini telah memberikan tafsiran masing-masing tentang Islam, mencetuskan perdebatan mengenai siapakah yang lebih 'betul' mengikut tafsiran Islam. Pendirian UMNO terhadap Islam sentiasa bersifat defensif. Ia telah melakukan apa yang perlu untuk menegakkan peruntukan perlembagaan bahawa Islam adalah agama kebangsaan. UMNO telah menyahut cabaran PAS dengan membina institusi Islam di seluruh negara, dan melaksanakan dasar yang dinamakan Islamisasi aparat kerajaan. Bagaimanapun, UMNO tidak pernah diiktiraf sepenuhnya oleh orang Melayu sebagai jaguh agama, sebaliknya sebagai pejuang hak Melayu, mengangkat martabat ekonomi dan kemasyarakatan orang Melayu (Din et al. 2017).

Dinamika seterusnya ialah dari segi perubahan dan transformasi dalam kerajaan dan kepimpinan politik Melayu. Pada tahun 1987 Dr. Mahathir menghadapi cabaran terhadap kepimpinan UMNO dan melancarkan Operasi Lalang, menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap organisasi dan individu yang mengkritik dasar kerajaan (Ahmad & Sulaiman, 2008). Satu lagi demonstrasi kuasa eksekutif ke atas semua institusi lain di negara ini ialah pengurangan kuasa raja-raja Melayu. Pindaan perlembagaan dibuat untuk menghapuskan kuasa veto raja-raja Melayu ke atas rang undang-undang.

Dari segi kepimpinan politik Melayu, ideologi, visi dan kekuatan pemimpin di Malaysia mempunyai kesan yang berpengaruh terhadap hasil pembangunan. Masyarakat pada umumnya bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan setiap pemimpin baharu dan dasar baharu yang

dilaksanakan, dengan syarat pemimpin juga responsif kepada kepentingan mereka. Secara dasarnya politik Melayu ini mengalami satu bentuk perubahan dan dinamikanya yang tersendiri. Kesemua agen dinamika politik ini bergantung antara satu sama lain dan oleh itu kajian ini bertujuan meneliti dan menganalisis dinamika politik Melayu yang berlaku khususnya pasca PRU ke 12.

Sorotan Literasi

PAS ditubuhkan pada tahun 1951 berikutan dua mesyuarat kebangsaan para alim ulama, pertama di Kuala Lumpur dan kemudian di Pulau Pinang. Konvensyen tersebut menghimpunkan sarjana Islam konservatif untuk membincangkan cara-cara yang boleh mereka sumbangkan dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British. Kesimpulan dari perbincangan tersebut ialah penubuhan PAS, pada asalnya direka untuk menjadi parti nasionalis Melayu yang konservatif, tetapi membezakan struktur parti daripada UMNO yang lebih dominan dengan memasukkan unsur ideologi Islam dalam pentadbiran (Mohamad, 2017).

Selepas British kembali ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, Malayan Union telah ditubuhkan. Bagaimanapun, Kesatuan ini mendapat banyak tentangan kerana kerangka perlembagaannya, yang didakwa mengancam kedaulatan Melayu. Beberapa siri kongres Melayu telah diadakan, yang berakhir dengan pembentukan UMNO pada 11 Mei 1946 di Kongres Melayu Ketiga di Johor Bahru, dengan Datuk Onn Jaafar sebagai Presiden pertama. Pada awalnya, matlamat UMNO ialah untuk menentang pembentukan Malayan Union dan bukannya mendapatkan kuasa politik (Stubbs, 1979).

Menurut Washida (2019). Di peringkat persekutuan, PAS menyertai semua pilihan raya umum sejak yang pertama kali diadakan pada tahun 1955. PAS boleh juga dikatakan sebagai cabang daripada UMNO kerana ramai ahli awalnya mempunyai dua keahlian dalam kedua-dua parti. Sejak awal, PAS membayangkan sebuah negara merdeka yang mempunyai Islam sebagai teras kepimpinan dan undang-undang syariah sebagai asas untuk sistem perundangannya. Di peringkat persekutuan, PAS menyertai semua pilihan raya umum sejak yang pertama kali diadakan pada tahun 1955.

Menurut Ahmad Fauzi (2019) dari tahun 2008 hingga 2015, PAS mengamalkan pendekatan pragmatik dengan bekerjasama dengan parti-parti yang terdiri daripada pelbagai pelbagai kaum seperti PKR dan DAP di bawah naungan Pakatan Rakyat (PR). PAS turut bertanding dalam beberapa siri pilihanraya bersama dengan pakatan tersebut. Namun, perbezaan ideologi, terutama berkaitan isu hudud dan negara Islam telah menyebabkan berlakunya pergolakan dalaman antara parti komponen tersebut yang membawa kepada perpecahan. Pada tahun 2015, PAS telah beralih kepada pendekatan yang lebih konservatif dengan menubuhkan Gagasan Sejahtera yang menekankan agenda Islam tulen.

Terdapat beberapa siri perpecahan dalam PAS yang mengakibatkan tertubuhnya parti baru, AMANAH. Ini menunjukkan perubahan strategi daripada pragmatik kepada ideologi. Peralihan ini sekaligus menyebabkan PAS kehilangan sokongan daripada pengundi bukan Melayu dan generasi muda yang lebih cenderung kepada pendekatan inklusif (Ahmad Fauzi, 2019). Namun, PAS berjaya mengekalkan sokongan kukuh dalam kalangan pengundi Melayu konservatif, terutama di kawasan luar bandar. Beliau juga melihat cabaran utama PAS selepas 2015 adalah untuk menyeimbangkan antara agenda Islam yang tulen dengan keperluan untuk menarik sokongan pelbagai kaum dan generasi muda.

Dalam mendalami perbincangan seterusnya, Menurut Mohd Azizuddin (2020) UMNO yang menghadapi tekanan politik selepas kekalahan dalam Pilihan Raya Umum 2008, mula menekankan isu ketuanan Melayu dan Islam untuk mengekalkan sokongan pengundi Melayu. UMNO juga menghadapi pelbagai cabaran dalaman, termasuk skandal 1MDB, yang melemahkan imej parti. Selepas 2015, terdapat usaha untuk membentuk kerjasama antara PAS dan UMNO, terutamanya dalam isu-isu berkaitan Islam dan kepentingan Melayu. Walau bagaimanapun, kerjasama ini tidak membuahkan hasil yang konkrit kerana perbezaan ideologi dan kepentingan politik. Perubahan dalam kedua-dua parti ini mencerminkan polarisasi politik Malaysia yang semakin meningkat, dengan tumpuan kepada isu-isu perkauman dan agama.

Kedua-dua parti menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap politik, termasuk kebangkitan Pakatan Harapan. PAS beralih daripada pendekatan pragmatik (bekerjasama dengan PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat) kepada pendekatan yang lebih ideologi dan konservatif dengan menubuhkan Gagasan Sejahtera pada tahun 2015. Peralihan ini menyebabkan PAS mendapat satu sokongan yang kukuh di kalangan pengundi Melayu konservatif. Namun menunjukkan penurunan bilangan pengundi bagi kamu bukan Melayu khususnya (Mohd Azizuddin, 2020). Perkara ini mendapat sokongan yang kuat daripada masyarakat Melayu yang memandang parti PAS sebagai satu parti yang berteraskan kepada orang Melayu-Islam khususnya. Dapat dilihat bahawa kedua-dua parti mengalami kedinamikannya yang tersendiri sekaligus merubah landskap dalaman parti tersebut yang membawa perubahan kepada politik Melayu-Islam.

Menurut Junaidi (2021) menyatakan bahawa wujud geopolitik atau kuasa gerakan politik yang berlandaskan kepada penguasa politik pada sesuatu dan sosiopolitik yang memperlihatkan satu dinamika penyertaan rakyat berkenaan gerakan politik ialah berdasarkan kepada isu semasa dan kepimpinan semasa sesuatu parti tersebut. Dinamika tersebut akan membentuk pemilihan rakyat terhadap sesuatu parti tersebut. Perubahan yang sentiasa berlaku ke atas parti memperlihatkan turun naiknya sokongan ke atas parti tersebut khususnya bagi parti yang mewakili majoriti.

Junaidi, Mohd Fuad & Nur Azuki (2021) turut menjelaskan bahawa politik merupakan salah satu disiplin ilmu yang sangat menarik untuk diteliti tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah berbentuk dinamika dan tidak secara statik, mempunyai seninya yang tersendiri serta mempunyai elemen kejutannya yang tersendiri yang boleh berubah pada bila-bila masa sahaja. UMNO dan PAS mempunyai perubahannya yang tersendiri menelusuri setiap PRU yang dilalui oleh kedua-dua parti tersebut.

Parti politik Melayu-Islam telah lama bertapak di Malaysia dengan pendekatan mereka yang tersendiri serta mengalami pelbagai konflik dalam kepimpinan, teruji dan menghasilkan dinamika bentuk pemikiran Islam konservatif dan progresif yang tersendiri (Norazlan Hadi, 2022). UMNO secara amnya memperlihatkan satu bentuk prinsip berkait konservatisme yang dapat dilihat dalam perlakuan dan amalan politik UMNO. Berbeza dengan PAS yang mecorakkan pendekatan politik Islam yang berbeza. Kerap kali berlaku pertembungan antara dua buah parti terbesar Melayu itu.

Memurut Rahman (2022), menyatakan sepanjang pemerintahan 3 Kerajaan Persekutuan pasca PRU-14, senario politik di negara ini agak mengecewakan kerana setiap pemimpin parti dilihat hanya mementingkan kedudukan kuasa politik masing-masing. Perkara ini jelas dilihat dengan

beberapa perubahan parti yang hanya mementingkan kepada 'survival' ahli politik dan parti itu sendiri tanpa mengambil kira rakyat yang pengundi mereka masing-masing.

Sokongan kaum dan agama dilihat masih lagi relevan serta menjadi senjata utama yang digunapakai untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. UMNO dan PAS dilihat menggunakan sentimen tersebut dalam meraih sokongan pengundi Melayu-Islam. Perkara ini dilihat selari dengan masyarakat melayu yang masih memandang kaum sebagai sesuatu yang penting dalam memberi undi (Mohd Azhar & Kassim, 2022)

Metodologi Kajian

Artikel ini dianalisis menerusi pendekatan kualitatif menerusi pengumpulan bahan dan maklumat daripada sumber sekunder. Data-data daripada sumber sekunder ini pula diperolehi daripada jurnal, buku dan maklumat Pilihan Raya Umum ke-12,13 dan 14. Teknik pengumpulan data dalam artikel ini menggunakan kajian kepustakaan (library research) terhadap sumber-sumber yang relevan dengan topik yang diangkat. Teknik ini digunakan sebagai langkah dalam pengumpulan sumber pustaka, membaca, mencatat, dan menganalisis sumber-sumber yang sudah diperolehi. Sedangkan pendekatan yang digunakan dalam artikel ini adalah pendekatan politik. Fokus utama artikel ini ialah melihat bagaimana kedinamikan antara UMNO dan PAS. Kesemua data dan maklumat ini kemudiannya dibincangkan mengikut kepada kerangka teori yang dipilih untuk memacu analisis secara analitikal.

Teori Sosialisasi Politik

Secara umumnya, teori sosialisasi politik merupakan kerangka teori untuk menjelaskan bahawa cara dan bentuknya yang tersendiri yang diunakan oleh setiap parti yang ada. Teori sosialisasi politik dikemukakan oleh Hyman (1959) melalui bukunya yang bertajuk *Political Socialization*. Kemudian teori ini dibangunkan oleh beberapa sarjana terkemuka seperti (Hess & Easton, 1960; Almond & Coleman, 1960; Sigel, 1970). Hyman (1959) telah mencadangkan bahawa jika seseorang individu ingin mencapai kestabilan dalam sistem politik, mereka mesti mempelajari tingkah laku politik mereka dengan baik dan secara berterusan bermula pada peringkat awal. Definisi umum sosialisasi politik ialah proses induksi ke dalam sistem politik (Marshall, 1996). Definisi yang diterima oleh kebanyakan sarjana telah dikemukakan oleh Sigel (1970), yang mendefinisikan sosialisasi politik sebagai proses di mana individu belajar untuk menerima pakai norma, nilai, sikap, dan tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sistem (politik) yang berterusan (McLeod, 2000). Dalam konteks artikel ini, pemahaman mengenai teori sosialisasi politik adalah penting untuk menganalisis matlamat berkenaan dengan parti politik dan memfokuskan dinamika kedinamikan politik UMNO dan PAS dengan pelbagai perubahan isu agama dan politik dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

Kedinamikan Politik UMNO dan PAS dari tahun 2008-2018

Pelbagai perkara berlaku yang melibatkan politik Melayu-Islam di Malaysia memperlihatkan bahawa wujudnya kedinamikan hubungan dan perubahan antara dua parti Melayu utama iaitu UMNO dengan PAS. Ini kerana tren sensitiviti masyarakat terhadap sesuatu isu bersifat agama dan etnik adalah turut mendasari pola pengundian dalam sesuatu pilihan raya (Mohd Azmir Mohd Nizah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis & Azri Ibrahim 2016). Meskipun kemelut yang melanda kedua-dua parti Melayu-Islam ini sering memperlihatkan impak yang negatif, namun terdapat beberapa isu-isu lain yang berupaya merapatkan jurang hubungan UMNO dan PAS di negara ini. Bahagian berikut menengahkan isu-isu politik Melayu-Islam yang

berjaya mengorak ke arah kesepaduan politik Melayu-Islam di Malaysia. Bahagian berikut juga dianalisis dari kajian lampau yang melihat kepada artikel jurnal yang setiap dari artikel tersebut menerangkan berkenaan UMNO dan PAS yang melihat kepada 5 aspek yang merujuk kepada UMNO dan 5 aspek yang merujuk kepada PAS iaitu berkenaan Kedinamikan Ideologi Politik, Perkembangan dan Strategi Politik Parti, Tingkah Laku Pengundi dalam Pilihanraya dan Sosialisasi Pengundi Malaysia.

Kedinamikan Ideologi Parti

Ideologi PAS

Ideologi memainkan peranan yang penting dalam mengarah hala tuju dan matlamat parti (Balliet, Tybur, Wu et al. 2018). Bahkan ideologi juga boleh menjadi faktor kepada pemisahan parti dan ini dapat dibuktikan dengan pemisahan PAS daripada UMNO akibat perbezaan ideologi di mana ideologi PAS berdasarkan ajaran Islam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran, Hadis, Ijma' ulama dan Qiyas manakala UMNO pula berasaskan rasionalisme, pragmatisme dan nasionalisme semata-mata. Sebagai sebuah parti Islam utama di Malaysia, PAS sangat percaya kepada doktrin pemerintahan berasaskan ajaran Islam di mana sebarang tindakan atau keputusan parti mesti menurut apa yang dibenarkan dan disarankan oleh agama (Isa, 2001).

Sebarang tindak balas terhadap sebarang perubahan politik hendaklah dilihat dan dikaji dari dan dalam perspektif Islam, berpandukan kepada Ijmak Ulama PAS (Isa, 2001). Selain itu, PAS melihat Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh. Oleh itu, apabila pemimpin PAS mengatakan bahawa perjuangan mereka adalah untuk Islam, bermakna mereka berjuang untuk merealisasikan syiar dan nilai-nilai Islam sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mengikut ideologi ini, PAS juga menerima dan mengiktiraf segala usaha penginstitutionan pelbagai aspek ekonomi moden sesebuah negara pada masa yang sama menerima tanggungjawab untuk menetapkan Syari'ah (Undang-undang Islam) sebagai satu-satunya undang-undang Ilahi yang harus dilaksanakan sepenuhnya mengikut Al-Quran (Sabtu & Noor, 2018). Justeru, seawal penubuhannya, PAS melihat Islam sebagai penjelmaan semua prinsip kehidupan dan manusia merangkumi aspek politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Ideologi UMNO

Secara amnya, ideologi UMNO terbahagi kepada tiga iaitu nasionalisme, konservatisme dan demokrasi Islam. Ketiga-tiga ideologi ini membentuk asas perjuangan UMNO sebagai parti politik utama di Malaysia.

Nasionalisme Melayu

Nasionalisme berasal daripada perkataan 'nation' yang membawa erti bangsa. Bangsa dari segi sudut antropologi dan sosiologi bermaksud suatu bangsa atau sekumpulan masyarakat yang mempunyai persamaan dari segi budaya, bahasa, sejarah, agama dan adat (Podoksik, 2017). Manakala dari sudut politik, bangsa merujuk kepada sekumpulan masyarakat dalam daerah yang sama dan mereka tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan kepada mereka oleh negara (Dzvinchuk & Ozminska, 2019). Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dengan struktur masyarakat plural (Hilmi, Salleh & Rahman, 2019). Pada masa pra-kemerdekaan, Islam dan nasionalisme telah diterima sebagai asas dalam politik yang menjamin keutuhan penduduk Melayu.

Nasionalisme Melayu bertindak sebagai kerangka asas semua kegiatan politik gerakan nasionalis, gerakan Islam dan gerakan haluan kiri. Pada masa itu, pandangan bahawa nasionalisme Melayu mendukung tujuan Islam masih popular dalam kalangan orang Melayu sehinggakan penggabungan golongan nasionalis dan pejuang Islam tidak ditentang oleh sesiapaun bahkan ulama tersohor dalam PAS (Zain, Hamil, Yaakob et al. 2011).

Amnya, UMNO tidak memiliki ideologi yang jelas. Bagi UMNO, ia adalah sebuah parti yang berpegang kepada tradisi berbanding ideologi (Khoo, 2020). Kekuatan parti oleh itu terletak pada sifat fleksibel dan kemampuan parti untuk beradaptasi dengan pelbagai situasi sepanjang zaman berkenaan dasar kepentingan Melayu, Islam dan seterusnya negara. Apa yang lebih penting kepada UMNO ialah matlamatnya sebagai sebuah parti yang memperjuangkan kemajuan Islam di Malaysia. Kemajuan yang dinyatakan ialah kejayaan mewujudkan sebuah masyarakat di mana Islam dihormati. Bagi menolak dakwaan PAS bahawa UMNO tidak memperjuangkan Islam, UMNO telah menjadikan Islam sebagai agama rasmi, penduduk majoriti ialah Islam dan tampuk pemerintahan dipegang oleh orang Islam. Dasar pembangunan juga dilaksanakan berdasarkan prinsip Islam iaitu bagi memajukan umat Islam (Hamid & Jalani, 2010). UMNO tidak menekankan Islam sebagai simbol agama dan lebih berusaha ke arah mewujudkan masyarakat aman, selamat, kemajuan ekonomi sebagai syarat kemajuan bagi umat Islam.

Oleh itu, kesimpulan yang dapat dibuat ialah ideologi UMNO berteraskan konsep pragmatis. Sebagai sebuah parti utama di Malaysia, UMNO perlu sentiasa mempertimbangkan kepentingan Islam dan identiti Melayu dalam setiap polisi yang dibuat. Strategi UMNO untuk bekerjasama dengan PAS yang merupakan sebuah parti berasaskan Islam ialah bagi melonjakkan imej UMNO sebagai parti memperjuangkan identiti Melayu, Islam dan adat kebudayaan Melayu.

Konservatisme

Menurut Jones (2015) Konservatisme ialah sebuah ideologi yang sering dikaitkan dengan pandangan negatif. Doktrin konservatisme adalah berdasarkan institusi dan amalan tradisional. Pemikir Perancis Chateaubriand dipercayai telah mencipta perkataan ini pada tahun 1818. Idea dan doktrin konservatif, bagaimanapun mula muncul pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19 sebagai reaksi terhadap peningkatan kadar perubahan ekonomi dan politik, terutamanya yang dicetuskan oleh Revolusi Perancis. Sebagai konsep, konservatisme lebih mementingkan apa yang diwarisi secara sejarah dan bukannya apa yang abstrak dan ideal. Dalam konteks kajian ini, kedudukan UMNO sebagai parti dominan dilihat sebagai parti konservatif.

Menurut Ismail & Hamid (2012) Beberapa rejim konservatif dari pelbagai negara seperti Parti Kuomintang Taiwan, Parti Liberal Demokrat Jepun, Parti Komunis Soviet Union dan Parti Komunis China dijadikan sebagai tanda ukur. Kajian terdahulu tentang negara-negara ini menemukan kedudukan parti-parti ini sebagai parti konservatif khususnya dalam reaksi dan tindak balas terhadap redormasi politik. UMNO secara amnya menyerupai Parti Liberal Demokrat (PLD) dari Jepun. Selain merupakan parti dominan yang menguasai pemerintahan di Malaysia setelah beberapa dekad, beberapa pemimpinnya seperti Mahathir Mohamad, Najib Razak dan Abdullah Ahmad Badawi sering menggunakan PLD sebagai contoh kuasa UMNO. Selain itu, prinsip berkait konservatisme juga dapat dilihat dalam perlakuan dan amalan politik UMNO.

Penekanan konsep tradisi dalam gerakan UMNO adalah jelas. Ini termasuklah penginstitutionan tradisi dan agama dalam kerangka politik Malaysia hasil warisan politik feudal terdahulu. Aspek seperti perpaduan, kedudukan raja, ketaatan, status agama Islam, bahasa Melayu dan hak orang Melayu merupakan unsur yang bersifat tradisi. Sesiapa yang menyentuk tentang elemen-elemen disebut dianggap mempersoalkan ketaatan kepada negara. Selain itu juga, tradisi berperanan sebagai pengekal kepemimpinan politik UMNO. Menurut Khoo (2003), Mahathir sebagai contoh merupakan ahli politik konservatif di mana beliau mementingkan kestabilan pada masa yang sama beliau menuntut kuasa.

Demokrasi Islam

Menurut Kumpoh (2020) peranan Islam dalam politik Malaysia adalah kompleks. Oleh kerana perkaitan yang rapat antara Islam dan Melayu, maka perbuatan memeluk Islam disamakan dengan notasi seorang itu 'masuk Melayu'. Melalui kontrak sosial dalam perlembagaan, etnik Melayu diberi keistimewaan sebagai syarat pemberian kerakyatan kepada orang Cina dan India. Dengan itu, golongan elit Melayu menjadi lebih defensif dan bimbang akan kehilangan penguasaan dalam politik Malaysia. Pada tahun 1970-an, kebangkitan Islam global mempunyai pengaruh penting dalam politik Malaysia.

Pertubuhan Islam telah diwujudkan antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada tahun 1972, yang ahlinya kebanyakannya daripada parti pembangkang iaitu Parti Islam Se-Malaysia. PAS meningkat popular dan dengan itu dapat mengukuhkan kuasanya pada 1980-an sebagai parti pembangkang yang sah, melalui agendanya ke arah prinsip berasaskan Islam tulen terdiri daripada aktiviti politik, ekonomi dan sosial. PAS juga menyasarkan kawasan luar bandar yang mengalami masalah pembangunan negara yang tidak sekata walaupun ia kaya dengan sumber sebagai kawasan sasaran penyebaran ideologi Islam. Tindakan ini disokong kebanyakannya oleh penduduk kampung tradisional yang sebahagian besarnya bersifat konservatif.

Menurut Muhamad, Ibrahim, Saputra et al. (2021) sesungguhnya, secara amnya, PAS dikatakan dapat mengaitkan masyarakat Melayu dengan nilai Islam, dan ia sedikit sebanyak menyumbang kepada perubahan identiti politik Melayu dengan mentakrifkannya sebagai komuniti agama dalam masyarakat berbilang kaum. UMNO mula bimbang dengan peningkatan populariti. Selain itu, Mahathir menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana di mana proses berkembar Islamisasi dan pemodenan adalah cara untuk meneruskan pembangunan politik, budaya dan ekonomi, dan beliau mencadangkan bahawa langkah ini berbeza dengan akidah Islam yang diperkatakan oleh PAS. Dengan cara ini, UMNO mendapat sokongan daripada orang Islam dan juga bukan Islam, kerana Mahathir berjaya menegakkan hak orang bukan Melayu-Islam walaupun menyokong penekanan Islam dalam pentadbirannya.

Pemerhati politik mempersoalkan ketulenan dasar Islamisasi UMNO, dan melihat langkah ini sebagai tindak balas kepada saingan PAS (Saat & Alatas, 2022). Abdullah Badawi, perdana menteri selepas Mahathir, turut memberi penekanan kepada demokrasi Islam dengan memperkenalkan konsep Islam Hadhari (Islam bertamadun). Islam Hadhari menggunakan pakai konsep Islam moden yang direka oleh Mahathir. Dalam pandangan ini, Islam memenuhi matlamat kerajaan untuk pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Dari segi politik, Islam dilihat mampu melahirkan parti pemerintah yang kuat dan melalui Islam parti itu dapat bekerjasama dengan pasukan Islam bagi memegang kepimpinan negara.

Perkembangan dan Strategi Politik Parti

PAS

Tahaluf Siyasi

Menurut Mohd Rosdi (2016), pada tahun-tahun sebelumnya, PAS bertanding bersendirian dalam pilihan raya. Walaupun mereka berkempen dengan parti pembangkang lain seperti dengan Parti Negara antara 1954 dan 1962, tetapi ianya berkonsepkan perkongsian *ad hoc* dalam aktiviti atau lokasi tertentu, dan bukannya pakatan rasmi di peringkat nasional. Percubaan pertama PAS dalam pakatan nasional rasmi adalah pada tahun 1973 apabila ia bersetuju untuk menyertai gabungan Parti Perikatan pimpinan UMNO dalam kerajaan persekutuan.

PAS kemudian bekerjasama dengan lapan parti lain iaitu UMNO, MCA, MIC, PPP, Pergerakan, SUPP, PBB dan Parti Perikatan Sabah untuk menubuhkan Barisan Nasional (BN) secara rasmi pada 1974 sebagai parti berdaftar yang keahliannya terdiri daripada parti individu. Sebagai ahli pengasas pakatan BN, Presiden PAS ketika itu, Asri Muda, dilantik sebagai Bendahari pertama BN manakala Presiden UMNO Abdul Razak Hussein dilantik sebagai Pengerusi (Mukmin & Wan Zakaria, 2015). Pada pilihan raya umum 1974, BN menang besar dengan memperoleh 135 daripada 154 kerusi parlimen, dengan PAS menyumbang sebanyak 13 kerusi untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan. Dari situ timbulah satu lembaran baru bagi PAS dalam menghadapi PRU kerana dilihat menguntungkan.

Setelah itu, PAS dituduh terlalu bercita-cita tinggi dalam melaksanakan agenda Islamnya. Sebagai contoh, di Terengganu ia mencadangkan untuk memperkenalkan cukai *kharaj* (Salleh, Syakir & Rosdi, 2014) untuk orang bukan Islam, sementara pada masa yang sama PAS melobi untuk meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) di Terengganu dan Kelantan (Rosdi, 2015). Tindakan PAS ini menyebabkan ahli Barisan Alternatif (BA) yang lain merasa terasing. DAP adalah antara ahli yang paling lantang, lebih-lebih lagi selepas terpaksa membayar harga yang tinggi kerana berada dalam pakatan dengan PAS yang menyebabkan parti itu akhirnya meninggalkan BA pada 2001 sebagai bantahan langkah PAS yang terang-terangan ke arah Islamisasi. Kesannya dilihat pada pilihan raya umum 2004, di mana jumlah kerusi pembangkang menurun dengan ketara, dengan PAS hanya memenangi 7 kerusi, penurunan besar daripada 27 kerusi sebelum ini.

Belajar daripada peristiwa 2004, PAS mengambil keputusan untuk bertindak tegas dan bekerjasama semula dengan DAP, serta Parti Keadilan Rakyat (PKR) (Salleh et al. 2014) untuk membentuk Pakatan PR pada 2008. Tetapi PR ditubuhkan dengan cara yang agak berbeza berbanding dengan pendahulunya. Pakatan itu bermula sebagai gabungan longgar tidak rasmi pada mulanya antara PKR dan DAP, dan kemudian dengan PAS, sebelum pilihan raya umum 2008. Matlamatnya adalah untuk memastikan pertindihan minimum di kerusi yang mereka tandingi, walaupun pakatan rasmi belum lagi dibentuk. Untuk tempoh yang sangat singkat, nama Barisan Rakyat digunakan untuk merujuk kepada kumpulan ini.

Menurut Tawfik & Mat Rasip (2018), pakatan yang lebih formal hanya ditubuhkan beberapa minggu selepas pilihan raya umum. Satu faktor yang mendorong parti-parti ini untuk menjalinkan semula hubungan dengan PR ialah atas dasar pembahagian kerusi DUN di negeri-negeri di mana BN gagal memenangi majoriti dalam dewan undangan negeri selepas pilihan raya umum 2008 yang memerlukan kerjasama daripada ketiga-tiga parti pembangkang utama

di Semenanjung Malaysia. Dengan pengecualian Kelantan, tiada satu pun parti pembangkang boleh mentadbir negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor sendirian. Justeru, Pakatan Rakyat (PR) dibentuk selepas pilihan raya atas dasar keperluan untuk memastikan parti-parti itu dapat membentuk kerajaan di negeri masing-masing.

PR kemudian memasuki pilihan raya umum 2013 sebagai pasukan yang lebih bersatu. Perpaduan itu membolehkannya memenangi undi popular dengan sedikit kelebihan berbanding BN. Tetapi walaupun PR memenangi undi popular, ia tidak dapat membentuk kerajaan kerana sistem pilihan raya serta pengalihan dan penyelewengan yang banyak dilakukan di sempadan pilihan raya parlimen (Ismail, 2018).

Seperti yang dinyatakan oleh Ismail (2018), pada pilihan raya umum 2013, BN kehilangan majoriti undi buat kali pertama. Namun begitu, dibantu oleh pengasingan kawasan pilihan raya dan sebagainya, BN berjaya mengekalkan majoriti 60 peratus parlimen yang selesa walaupun hanya memenangi 47 peratus undi. Bagaimanapun, PR masih mencatat rekod dengan memenangi 89 kerusi, pencapaian tertinggi yang pernah dicapai oleh parti pembangkang, dengan PAS menyumbang 21 kerusi. Sejurus selepas pilihan raya umum 2013, masalah mula timbul dalam PR apabila hubungan antara PAS dan DAP kembali keruh.

Ismail (2018) menyatakan faktor perbalahan antara PAS dan DAP juga adalah mengenai peranan Islam dalam pemerintahan, khususnya undang-undang syariah Islam. Melihat peluang ini, UMNO mengambil langkah merekrut PAS. Keadaan ini akhirnya membawa kepada DAP sekali lagi menarik diri daripada pakatan pembangkang pada 2015, membuka jalan kepada kehancuran PR. PAS memutuskan untuk tidak menyertai pakatan PH yang baru ditubuhkan yang menghimpunkan parti pembangkang utama lain. Sebaliknya, PAS membentuk Gagasan Sejahtera dengan parti yang lebih kecil Berjasa dan Ikatan. PAS mendominasi peruntukan kerusi dengan bertanding di 155 kerusi, manakala parti lain gabungan mereka hanya bertanding 4 kerusi.

PAS kemudian menang 18 kerusi, tetapi Berjasa dan Ikatan tidak menang mana-mana kerusi. Penguasaan hebat PAS dalam Gagasan Sejahtera mewujudkan pandangan yang diterima umum bahawa pada PRU14, strategi keseluruhan PAS adalah untuk bertanding bersendirian. Pada ketika semua parti mencari cara untuk membentuk pakatan sebelum pilihan raya yang merupakan norma dalam politik Malaysia, strategi PAS dilihat membingungkan bagi ramai pemerhati politik (Thaib, 2014). Tetapi ia adalah pilihan yang boleh difahami oleh PAS kerana kehadiran DAP dalam PH menjadikan pakatan itu tidak menarik minat penyokong PAS, manakala kehadiran UMNO dalam BN mencemari pakatan dengan dakwaan rasuah dan kleptokrasi.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa PAS tidak asing lagi dalam politik pakatan. PAS menggunakan istilah Arab *tahaluf siyasi* untuk menggambarkan gabungan politik. Secara realitinya, *tahaluf siyasi* hanyalah satu lagi istilah untuk politik gabungan sepertimana yang diamalkan oleh pelbagai parti di Malaysia dan seluruh dunia. Bagi PAS, membentuk, menyertai atau meninggalkan gabungan parti bukanlah satu isu besar kerana *tahaluf siyasi* adalah strategi yang boleh berubah mengikut keadaan. Mengikut strategi ini, PAS hanya akan menjadi sebahagian daripada pakatan jika ia menguntungkan Islam dan matlamat parti, dan akan meninggalkan pakatan itu jika sebaliknya (Salleh et al. 2014).

Oleh itu, pendekatan *tahaluf siyasi* yang fleksibel ini bermaksud kesetiaan PAS hanya kepada Islam matlamat parti dan dengan itu memastikan sebarang perkongsian yang ditandatangani akan membantu memajukan tujuan parti dan tidak perlu berkompromi lebih daripada apa yang dirasakan perlu. Perjalanan PAS dari pilihan raya umum pertama pada 1955 dan khususnya dari PRU12 hingga PRU14 menunjukkan bahawa parti ini mempunyai keupayaan yang luar biasa untuk menyesuaikan diri dan mengubah strategi politik apabila perlu. Oleh itu, jelas bahawa *tahaluf siyasi* adalah soal strategi dan bukannya prinsip yang membantu parti ini bergerak dengan lancar dari satu pakatan ke satu pakatan yang lain apabila diperlukan.

Ta'awun Siyasi

Seperti disebut sebelum ini, sejurus selepas pilihan raya umum 2013, masalah mula timbul di dalam PR, terutamanya antara PAS dan DAP. Dengan DAP yang begitu kuat menentang agenda Islamisasi PAS, UMNO mengambil kesempatan untuk menyokong PAS dengan mengisytiharkan bahawa kerajaan tidak lagi menentang pengenalan undang-undang Islam. Pada 2014, UMNO mengumumkan sekiranya PAS mahu melaksanakan undang-undang jenayah syariah Islam di Kelantan, Kerajaan Pusat tidak akan membantah. Justeru, pada 2015 kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS telah memperkenalkan beberapa pindaan kepada Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1993 yang sedia ada, sebagai persediaan sebelum perlaksanaan undang-undang tersebut.

Menurut Zabri & Omar (2019), UMNO juga sebelum ini pernah membuka pintu kepada bekas Presiden PAS Abdul Hadi Awang untuk membentangkan Rang Undang-undang Persendirian di Parlimen Persekutuan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang dikenali sebagai RUU 355 bertujuan untuk menghapuskan beberapa cabaran yang selama ini menghalang pelaksanaan sepenuhnya undang-undang syariah Islam di Malaysia. Walaupun RUU 355 tidak pernah diluluskan, hakikat bahawa Hadi Awang boleh membentangkannya di Parlimen sudah cukup untuk mewujudkan muhibah yang dimaksudkan antara kedua-dua parti.

UMNO mengambil beberapa langkah lagi untuk mewujudkan hubungan yang lebih mesra dengan PAS. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Disember 2015, presiden parti pada masa itu Najib Razak dalam ucapannya berkata UMNO mengalu-alukan PAS dengan tangan terbuka mengikut semangat persaudaraan Islam. Najib dan Hadi juga muncul bersama di beberapa acara besar, terutamanya pada Disember 2015 semasa seminar Islam serantau bertemakan “Perpaduan Muslim Merentasi Ideologi” dan kemudian pada Disember 2016 dalam perhimpunan besar Muslim di Kuala Lumpur untuk membantah keganasan terhadap Rohingya di Myanmar (Azmi, 2020).

Menurut Jan (2020), Pada Februari 2017, apabila PAS mengadakan perhimpunan RUU 355 di Kuala Lumpur untuk meminta sokongan orang ramai terhadap RUU Persendirian, UMNO menyatakan sokongannya dengan menghantar Ahli Majlis Tertinggi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Hal Ehwal Islam iaitu Jamil Khir Baharom untuk hadir. Hubungan UMNO-PAS akhirnya membuahkan hasil apabila pada 2018, selepas kemenangan PH pada PRU14, PAS mengumumkan jenis perkongsian baharu yang dinamakan *ta'awun siyasi* atau kerjasama politik dengan UMNO yang berbeza dengan strategi sebelum digunapakai iaitu *tahaluf siyasi*.

Walaupun selama beberapa dekad, PAS dan UMNO ibarat musuh ketat kerana perbezaan pendekatan dan matlamat ini berubah berikutan beberapa tahun mereka menyantuni satu sama lain. Persahabatan PAS dan UMNO semakin kukuh berikutan perubahan bersejarah kerajaan pada PRU14, yang meletakkan kedua-dua UMNO dan PAS sebagai barisan pembangkang utama. Selain hakikat bahawa kedua-duanya berada dalam pembangkang melawan PH, mereka juga mempunyai musuh yang lebih besar iaitu DAP yang ketika itu berada dalam kerajaan PH. Justeru, PAS dan UMNO secara beransur-ansur bekerjasama dengan lebih erat untuk mencabar PH yang memerintah.

Kerjasama itu bermula seawal dua bulan selepas PRU14, dalam persiapan menghadapi pilihan raya kecil DUN di Sungai Kandis, Selangor. Timbalan Presiden UMNO Muhamad Hassan mengumumkan pada 31 Julai 2018 bahawa beberapa rundingan telah diadakan antara UMNO dan PAS, dan PAS telah bersetuju buat pertama kalinya untuk menyokong UMNO di Sungai Kandis (Saat, 2019). PAS kemudian tidak meletakkan calon dalam pilihan raya kecil dan meminta ahli mereka membantu UMNO sebaliknya. Perkongsian antara kedua-dua parti menjadi lebih kukuh apabila mereka terus berkempen bersama dalam pilihan raya kecil berikutnya.

Perikatan ini kemudian menandatangani kerjasama dengan termeterainya piagam untuk membentuk Muafakat Nasional pada 14 September 2019. (Mahmud, 2019).

Piagam Muafakat Nasional dengan sendirinya bukanlah dokumen yang terlalu menarik. Pada zahirnya, ia hanya mengandungi pernyataan niat yang luas yang pada asasnya boleh dituntut oleh mana-mana pihak dengan mudah. Tetapi impak piagam itu amat penting kepada politik Malaysia di mana ia menghimpunkan dua parti Melayu tertua dan terbesar yang tidak pernah bekerjasama secara eksklusif sebelum ini. Pembentukan Muafakat Nasional boleh dikatakan sebagai penyatuan kepentingan politik Melayu yang paling ketara sejak kemerdekaan, mewujudkan kuasa politik Melayu terbesar di negara ini sehingga kini.

Pada permulaan kerjasama, PAS merasakan bahawa bekerjasama dengan UMNO dalam Muafakat Nasional adalah satu strategi yang sangat berisiko. Seperti yang dinyatakan di atas, selama beberapa dekad ia telah melatih ahli-ahlinya untuk melihat UMNO sebagai saingan utamanya. Maka, peralihan ke arah bekerjasama dijangka sangat rumit kerana kemungkinan penolakan oleh ahli-ahli PAS adalah tinggi (Zain & Din, 2022). Tetapi, pada penghujung tahun 2018 selepas penilaian semula risiko, pentadbiran PAS percaya bahawa jika kerjasama dengan UMNO berjaya, keuntungan yang akan didapati sangat besar semasa pilihan raya.

Sifat kerjasama PAS dengan berlandaskan konsep ta'awun dalam Muafakat Nasional adalah berbeza dengan strategi pakatan sebelumnya. Dalam erti kata lain, ta'awun adalah strategi kerjasama yang lebih longgar berbanding tahaluf. Ta'awun juga tidak menolak kemungkinan parti kongsi bekerjasama dengan rakan kongsi lain secara berasingan pada masa yang sama, termasuk dengan pihak yang dilihat sebagai saingan kepada rakan kongsi mereka. Pendekatan ini mewujudkan fleksibiliti kepada PAS dan juga untuk UMNO kerana mereka tidak terkekang daripada berhubung dengan sama ada musuh politik (atau kawan) PAS sebagai musuh politik (atau kawan) (Sarom & Yusoff, 2022).

Strategi Politik UMNO

Strategi politik UMNO adalah pelbagai, dari politik dominasi, *clientele*, berdasarkan ketakutan (politic of fear) dan politik naungan. Pertama ialah strategi dominasi yang dijalankan oleh UMNO bagi berhadapan dengan parti pembangkang. Barisan pemimpin tertinggi UMNO telah mengaitkan prestasi lemah UMNO dalam kalangan komuniti orang Melayu dengan perkembangan polisi ekonomi yang tidak berkesan. Sebagai akibatnya, UMNO pada masa itu di bawah pimpinan Tun Abdul Razak telah mengambil langkah penstrukturan sosial bagi memperbetulkan semula ketidakseimbangan ekonomi yang berlaku di Malaysia (Saat, 2013). Tambahan lagi, setelah peristiwa 13 Mei, kedudukan UMNO sebagai parti dominan telah mempengaruhi pembentukan landskap politik dan keseluruhan aspek sosial dalam negara.

Peningkatan kuasa hegemoni UMNO terhadap negara ditambah dengan peningkatan kuasa dalam kalangan ahli politik yang memerintah dan birokrasi adalah penting dalam perkembangan sistem naungan. Oleh itu, sebilangan ketua parti berkesempatan mengeksploitasi dominasi UMNO dan menggunakan jentera parti untuk menggali sumber ekonomi dengan cara menaung kumpulan berkepentingan sebagai balasan untuk sokongan dalam parti (Dettman & Gomez, 2020). Penggunaan politik naungan untuk mewujudkan pangkalan kuasa telah mengakibatkan perbalahan dalam parti yang memecahbelahkan UMNO. Dalam usaha mendapatkan kuasa, setiap puak dalam parti seringkali bertindak secara berdikari menggunakan sumber kewangan sendiri (Ufen, 2020).

Politik wang juga merupakan antara strategi yang sering digunakan oleh UMNO sepanjang pemerintahannya. Beberapa kajian lepas telah menerangkan struktur kewangan politik dan sumber pembiayaan parti UMNO (Hamil, 2002; Gomez 2012; Ufen 2015; Weiss, 2016). Untuk meringkaskan ciri terpenting rejim kewangan politik Malaysia seperti yang diamalkan pada masa ini termasuklah derma tanpa nama tanpa had kepada parti dibenarkan, parti politik boleh memiliki perniagaan dan parti pemerintah mendapat manfaat daripada rangkaian GLC yang membentuk sebahagian besar ekonomi Malaysia (Gomez et al. 2017). Kewangan parti sebahagian besarnya tersembunyi, manakala parti mesti menyerahkan laporan kewangan yang telah diaudit kepada Pendaftar Pertubuhan setiap tahun namun orang ramai tidak mempunyai akses kepada laporan ini (Transparency International, 2010).

Dinamika ini menjelaskan mengapa pembiayaan politik terus berjalan, dikawal selia secara longgar dan condong untuk memberi manfaat kepada kerajaan sedia ada (Ufen, 2015). Kerajaan Malaysia mengamalkan sifat campur tangan dan ini terbukti dengan kawalan ke atas sebahagian besar sektor korporat seperti perbankan, pembinaan dan media. GLC ialah sumber naungan yang penting dan juga sumber dana rahsia, seperti yang ditunjukkan oleh skandal 1MDB. Walaupun penstrukturan semula pemilikan dan kawalan GLC tersenarai awam terkemuka sejak tahun 2000-an, ia masih boleh digunakan untuk politik naungan (Gomez et al. 2017).

Perkaitan ini telah memberi insentif kepada perniagaan swasta untuk bersekutu dengan golongan elit pemerintah (Gomez, 2009). GLC terkemuka diterajui oleh golongan profesional korporat yang dipercayai bertanggungjawab terutamanya kepada menteri kewangan, jawatan yang dipegang serentak oleh perdana menteri. Akses kepada sumber adalah penting kepada UMNO yang memerintah kerana dua sebab. Pertama, mereka membenarkan pemimpin parti menghalang ahli dari keluar dan memastikan kesetiaan ahli parti, tidak termasuk pengagihan faedah kepada mereka yang dilihat sebagai pengkritik pemimpin negara atau mereka yang mengalihkan sokongan mereka kepada pembangkang. Ini telah dilihat dalam pelbagai episod

dalam sejarah politik UMNO di mana naungan kekal sebagai kunci untuk memastikan kesetiaan dalam menghadapi pembelot rejim (Ufen, 2020).

Kedua, ia membenarkan UMNO membayar pekerja parti dan mengekalkan sokongan pengundi melalui pelbagai perkhidmatan. UMNO mengukuhkan kesetiaan pengundi dengan menyediakan segala-galanya daripada barangan awam dan perkhidmatan kepada bantuan kecil. Semasa musim pilihan raya, sekumpulan ahli parti akan berkempen dari rumah ke rumah dan menampal di merata tempat poster UMNO, BN dan calon mereka (Weiss, 2016). Beliau turut menambah, di kampung, petugas UMNO sentiasa menziarahi pengundi di rumah mereka dan menjemput mereka ke perhimpunan di kawasan kejiranan untuk bertemu calon kawasan. Tuduhan pembelian undi dan pemberian wang tunai adalah perkara biasa.

Parti pembangkang utama seperti Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) secara sejarah bergantung kepada sumber kewangan yang sangat berbeza, menggunakan yuran keahlian, derma daripada penyokong, sumbangan wajib oleh penggubal undang-undang dan penjualan akhbar parti mereka (Gomez, 2012). Ini mengehadkan keupayaan parti pembangkang untuk terlibat dalam kempen intensif sumber seperti naungan, janji pembangunan infrastruktur dan pembelian undi secara langsung yang UMNO-BN mampu lakukan (Weiss, 2016).

Strategi lain termasuklah politik berasaskan ketakutan. Walaupun pertimbangan peringkat tempatan sudah tentu menjadi faktor utama dalam keputusan pilihan raya kecil yang menguntungkan BN, beberapa kontroversi etnik-agama di peringkat nasional dan tindak balas yang tidak berbelah bahagi daripada kerajaan PH juga menjadi faktor penyumbang. Menurut Lee & Wong (2020), rancangan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan kaligrafi khat iaitu satu bentuk kaligrafi berus dalam jawi (tulisan Melayu menggunakan tulisan bahasa Arab) ditentang oleh persatuan sekolah vernakular Cina dan Tamil. Rancangan ini dalam perancangan sejak 2014 di bawah kerajaan pimpinan UMNO dan diteruskan di bawah pimpinan bekas Menteri Pendidikan PH, Maszlee Malik, dari parti Bersatu Mahathir (Lee & Wong, 2020).

Dari segi sejarah, perubahan dalam dasar pendidikan di Malaysia khususnya tentang bahasa sentiasa menjadi topik yang sensitif. Tinjauan pada 2019 menunjukkan bahawa orang Melayu menyatakan kebimbangan terhadap komitmen PH untuk memelihara hak Melayu walaupun layanan adil terhadap kumpulan etnik minoriti kekal menjadi kebimbangan bagi orang lain. Keadaan ini memberi ruang kepada UMNO untuk muncul sebagai penyelamat kepada ketegangan yang berlaku (Saleem, 2019).

Tingkah Laku Pengundi dalam Pilihan Raya

Jadual 1: Keputusan dan Analisis Ringkas PRU12, 13 dan 14

PRU/ Tahun	Keputusan UMNO	Analisis UMNO	Keputusan PAS	Analisis PAS
PRU12/ 2008	-Kehilangan majoriti 2/3 di Parlimen. -Kalah di 5 negeri (Pulau Pinang,	-Gelombang "tsunami politik" menyaksikan pengundi tidak puas hati dengan UMNO/BN.	-Meningkatkan kerusi Parlimen kepada 23. -Mengekalkan Kelantan dan	-Gelombang "tsunami politik" menyokong PAS dalam kerjasama dengan Pakatan Rakyat.

	Selangor, Perak, Kedah, Kelantan).	Kehilangan sokongan pengundi bukan Melayu dan bandar.	memenangi Kedah.	- Pengundi Melayu tidak puas hati dengan UMNO/BN.
PRU13/2013	- Menang 133 kerusi Parlimen (majoriti mudah). - Kehilangan undi popular (hanya 47% undi).	- Walaupun menang majoriti kerusi, UMNO kehilangan undi popular kepada pembangkang. - Isu seperti GST dan skandal mula menjejaskan imej.	- Memenangi 21 kerusi Parlimen. - Mengekalkan Kelantan tetapi kehilangan Kedah.	- PAS kekal sebagai parti utama di Kelantan. - Kerjasama dengan Pakatan Rakyat masih kuat, tetapi mula retak.
PRU14/2018	- Kekalahan besar, hanya menang 54 kerusi Parlimen. - Kehilangan kuasa persekutuan buat pertama kali.	- Skandal 1MDB menjadi faktor utama kekalahan. - Pengundi Melayu tradisional mula beralih kepada PAS dan PH. - UMNO kehilangan legitimasi sebagai parti dominan.	- Memenangi 18 kerusi Parlimen. - Memenangi Terengganu dan mengekalkan Kelantan.	- PAS berjaya menarik sokongan pengundi Melayu konservatif. - Kerjasama dengan UMNO melalui Muafakat Nasional mula terbentuk.

Sumber: Keputusan PRU 12,13 dan 14

Berdasarkan jadual di atas, dapat disimpulkan bahawa pilihan raya ialah proses membuat keputusan rasmi bagi pemilihan yang dibuat oleh penduduk sesebuah negara. Pemilihan ini adalah untuk memilih individu untuk memegang jawatan pentadbiran dalam jawatan awam. Oleh itu, setiap rakyat diberi peluang untuk menyuarakan pendapat melalui proses mengundi dalam pilihan raya. Menurut Mohd Nur & Ahmad (2013), Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem separa demokrasi di mana kedua-dua proses pengundian dan pilihan raya terlibat dalam parlimen. Di Malaysia, Pilihan Raya Umum (PRU) kerap diadakan dengan jurang 5 tahun menggunakan sistem pengundian first-past-the-post.

Dalam kajian Abdullah, Hakam, Wilodati et al. (2019), keputusan pilihan raya boleh diukur dengan tingkah laku pengundian untuk mengetahui parti mana yang mereka pilih. Tingkah laku mengundi yang dijelaskan oleh seorang pengundi ialah menukar undi dari satu parti kepada parti lain. Turun naik tingkah laku mengundi bagi seseorang individu adalah sangat besar dan ketidakstabilan ini akan mengakibatkan keputusan pilihan raya yang tidak dijangka. Kenyataan ini dibuktikan dalam Pilihan Raya Kanada pada tahun 1979. Perubahan tingkah laku pengundian terhadap parti yang mempunyai pengenalan yang kukuh dapat dibuktikan melalui perubahan 27% penyokong kerajaan berbanding keputusan pada tahun 1974 (Wesley, 2015). Tingkah laku pengundian akan dipengaruhi oleh banyak faktor. Daripada kajian lepas, kebanyakan penyelidik telah menekankan bahawa hutang kerajaan adalah salah satu faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku pengundian. Kesimpulan yang berbeza telah dibuat dalam kalangan penyelidik.

Bartels (2014) mencadangkan bahawa hutang kerajaan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap tingkah laku pengundian. Pengundi telah menyokong parti penyandang jika pertumbuhan ekonomi menunjukkan tanda positif dan begitu juga sebaliknya. Sebagai contoh, generasi muda lebih suka mengundi parti pembangkang jika parti dominan mempunyai hutang negara yang tinggi. Hutang yang lebih tinggi boleh mengakibatkan inflasi, cukai yang lebih tinggi untuk pengundi, dan juga pembayaran faedah yang lebih tinggi. Namun, generasi yang lebih tua mempunyai pendapat yang berbeza dengan generasi muda. Mereka lebih suka mengundi parti penyandang kerana mereka tidak mengambil kira dan tertanya-tanya bagaimana hutang yang lebih tinggi akan membawa impak kepada generasi akan datang (Fochmann, Sachs, Sadrieh et al. 2018). Lebih-lebih lagi, faktor Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah dibincangkan oleh ramai penyelidik. Ini adalah sistem cukai baharu yang dikuatkuasakan oleh Malaysia pada tahun 2015, April.

Menurut Rahman (2018), pengundi telah menukar tingkah laku mengundi mereka daripada parti sayap kanan kepada parti sayap kiri kerana cukai yang lebih tinggi yang telah mereka bayar. Sebagai contoh, daripada kajian Rahman (2018), beliau telah membuat kesimpulan bahawa pengundi menanggung beban akibat pelaksanaan GST. Oleh itu, ia telah menyebabkan pengundi tidak mengundi parti sayap kanan. Walaupun GST mampu meningkatkan hasil kerajaan, ia telah memindahkan beban kepada pengundi pada masa yang sama (Shaari, Ali, & Ismail, 2015).

Pengangguran dan inflasi sesebuah negara juga akan mempengaruhi tingkah laku pengundian (Aytac, 2018; Talving, 2017). Kesan ekonomi terhadap tingkah laku pengundian adalah berbeza sama ada kesan di dalam atau di peringkat antarabangsa bergantung kepada pelbagai negara (Aytac, 2018). Pengangguran juga mempengaruhi tingkah laku pengundian sekiranya masalah pengangguran di negara tersebut tinggi. Sebaliknya, inflasi yang tinggi menunjukkan keadaan ekonomi yang buruk dan ia akan mengakibatkan hubungan negatif antara inflasi dan tingkah laku mengundi.

Menurut Ostwald (2017), beliau menekankan bahawa tingkah laku pengundian di Malaysia telah dipengaruhi oleh semangat parti dan juga media sosial. Seseorang pengundi mempunyai kecekapan untuk membuat pertimbangan dan memilih parti untuk mengundi mengikut kemampuan dan integriti sesebuah parti. Medium media sosial dilihat semakin mendapat tempat khususnya selepas PRU-12 bagi mencapai sasaran golongan pengundi muda pada ketika itu.

Tambahan pula, Mohd Sani (2014) mendapati tingkah laku pengundian di Malaysia telah dipengaruhi oleh media sosial bermula daripada PRU Malaysia 2008. Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang merupakan bekas Perdana Menteri menegaskan bahawa kecuaiannya melalui media sosial merupakan kesilapan yang beliau lakukan ketika itu (Gomez, 2014). Ia membawa kepada kehilangan kerusi penting di Parlimen. Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara media sosial dan tingkah laku mengundi. Selain itu, pihak yang mengambil bahagian dalam skandal akan mempengaruhi tingkah laku pengundian (Fernandez-Vazquez, Barbera, & Rivero, 2015).

Daripada keputusan tingkah laku mengundi pada Pilihan Raya Umum 13 (PRU13), Khoo (2013) menjelaskan BN tidak dapat mencapai keputusan pilihan raya yang ideal berikutan perselisihan faham terhadap rasuah yang berlaku di Malaysia. Akhir sekali, penampilan muka calon juga merupakan salah satu penentu yang mempengaruhi tingkah laku pengundian

(Laustsen, 2013). Daya tarikan dan tingkah laku pengundian calon mempunyai kaitan positif antara satu sama lain. Ini kerana penampilan individu boleh menunjukkan peranan sifatnya. Pengundi akan membuang undi kepada calon yang mempunyai tanggapan yang baik.

Sosialisasi Pengundi Malaysia

Literasi Politik

Peningkatan literasi politik dalam kalangan belia akan membantu mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab yang akan memutuskan dan menyokong pemimpin masyarakat, organisasi, negeri dan negara yang berkebolehan (Dasar Belia Malaysia, 2015). Dapatan daripada tinjauan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia 2010 merekodkan 4.3 juta rakyat Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan layak mengundi masih belum mendaftarkan diri sebagai pemilih. Jumlah tersebut meningkat hampir 200,000 setiap tahun (Wan Ahmad, 2010).

Menariknya, statistik menunjukkan majoriti belia Melayu di Malaysia belum mendaftar sebagai pemilih. Nisbah 1:40 antara pengundi Melayu kepada bukan Melayu menunjukkan bahawa belia Melayu menjauhkan diri daripada tanggungjawab mereka sebagai pengundi dan pembuat keputusan landskap politik negara semasa dan akan datang (Haslinda et al., 2012). Fenomena ini membimbangkan kerana golongan belia harus terlibat secara aktif dalam proses politik negara supaya dasar kerajaan yang lebih baik dapat digubal, dibahaskan dan diluluskan (The Malaysian Insider, 2016).

Wan Ahmad (2010) mengetengahkan beberapa alasan yang diberikan oleh belia Malaysia yang tidak mendaftar sebagai pemilih. Antaranya ialah belia Malaysia telah menunjukkan sikap tidak ambil peduli terhadap menjadi pengundi berdaftar. Alasan yang diberikan untuk tidak mengambil serius peranan ini termasuklah sibuk dengan kerja harian, kekangan masa, tidak penting, tidak berfaedah dan tidak sedar. Mereka juga menyatakan bahawa model pendaftaran berasaskan kaunter sudah lapuk dan segala-galanya perlu dilakukan secara dalam talian, memandangkan kemunculan teknologi yang diterima oleh Malaysia dalam perkhidmatan lain.

Menariknya, penglibatan aktif pelajar universiti dalam politik kampus sepatutnya memberi kesan kepada celik politik belia Malaysia. Kajian menunjukkan seramai 90% mahasiswa mengundi dalam pilihan raya kampus universiti dari 2007 hingga 2011 (Nur Fadilah, 2012). Penglibatan dalam pilihan raya kampus memberi pendedahan kepada aktivisme politik di kalangan belia untuk akhirnya menjadi pengundi celik politik pada pilihan raya umum negara (Tan, 2022). Walau bagaimanapun, realitinya adalah kedua-duanya tidak berkorelasi dengan ketara. Kajian mengenai celik politik di kalangan belia Malaysia dan faktor-faktor yang menyumbang kepadanya memerlukan kajian lanjut.

Di Amerika Syarikat, belia lebih liberal dari segi politik kerana mereka lebih subjektif dan rasional dalam menilai isu politik tertentu berbanding orang dewasa Amerika (Weiss, 2020). Sistem demokrasi akan menjadi bermakna apabila ia disokong oleh warganegara yang berpendidikan politik dan keadilan sosial yang adil. Buta huruf politik adalah punca sikap tidak peduli belia terhadap pembangunan politik negara mereka (Medvecky, 2022). Oleh itu, literasi politik yang rendah menyumbang kepada sosialisasi politik yang rendah dalam kalangan belia dan juga pengundi di Malaysia.

Kematangan Politik

Kematangan berpolitik merupakan faktor kedua yang menyumbang kepada keadaan sosialisasi politik dalam kalangan belia Malaysia. Pada masa ini, dengan skor 48.29 untuk perbincangan mengenai isu politik, 46.41 untuk mengikuti perkembangan politik dan 42.75 untuk penyertaan dalam aktiviti politik menunjukkan bahawa belia Malaysia mempunyai sedikit minat dalam politik tetapi kebanyakan mereka tidak begitu berminat untuk terlibat dalam menganalisis dan meneliti perkembangan politik tempatan dan negara dan apa lagi untuk melaksanakan amalan politik mereka dalam kehidupan profesional dan peribadi harian mereka (Indeks Belia Malaysia, 2015).

Tahap kematangan politik yang tinggi membolehkan belia menjadi rasional dan berprinsip tinggi dalam keputusan dan tindakan politik mereka. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kematangan berpolitik ada kaitan dengan literasi politik (Noor Sulastry Yurni, 2015). Sikap politik dan tingkah laku politik seseorang bukan semata-mata hasil sampingan daripada latihan akademik seseorang tetapi melibatkan kebijaksanaan, kenegaraan, altruisme dan tadbir urus yang baik.

Kesimpulan

Perkembangan kesepaduan politik Melayu-Islam dilihat dipengaruhi oleh perubahan atau kedinamikan antara dua parti politik utama Melayu di Malaysia iaitu UMNO dan PAS. Kerencaman isu-isu politik dalam kalangan orang Melayu yang tercetus sebelum ini memperlihatkan bahawa kedudukan politik orang Melayu-Islam di negara ini masih berada pada tahap kesepaduan berbanding perpaduan. Kajian ini melihat bahawa pembentukan politik antara kedua parti Melayu-Islam ini saban waktu semakin menunjukkan kedinamikannya yang tersendiri disebabkan pelbagai faktor dalam dan luaran. Antara faktor yang diperbincangkan seperti keputusan PRU, konflik yang berlaku serta isu-isu Melayu merupakan satu asas yang membentuk dinamika itu sendiri. Dalam erti kata lain, PRU merupakan satu penanda aras bagi mengukur sokongan pengundi terhadap kerajaan baru yang tidak dipilih rakyat dengan menggulingkan kerajaan yang sedia ada. Akhirnya, dinamika politik Melayu-Islam khususnya analisis melibatkan kedinamikan UMNO dengan PAS merupakan elemen utama yang berupaya mewujudkan satu bentuk landskap politik yang mampu memberi kesan kepada orang Melayu khususnya dalam membentuk satu kestabilan politik Melayu di Malaysia. Kajian ini memberikan gambaran yang signifikan dengan objektif di mana dinamika atau perubahan politik itu berlaku selari dengan proses demokrasi, sekaligus memberikan gambaran yang jelas akan posisi dinamik serta ketidaktentuan politik negara yang telah mencorakkan lagi landskap politik di Malaysia khususnya di Perak. Pengkaji juga melihat perkara ini perlu satu kajian lanjutan yang memfokuskan kepada sebuah negeri iaitu Perak dalam melihat Kedinamikan politik Melayu-Islam UMNO dan PAS.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedua ibu-bapa, isteri serta anak, adik-beradik dan rakan-rakan atas bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang penyediaan artikel ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada penyelia atas tunjuk ajar dan panduan yang sangat bermakna. Tidak dilupakan kepada Universiti Malaya di mana tempat penulis menuntut ilmu. Sekali lagi jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung.

Rujukan

- Abdul Hamid, A. (2015). The Challenge of Religious Pluralism in Malaysia with Special Reference to the Sufi Thought of Ustaz Ashaari Muhammad. *Comparative Islamic Studies*, 9, 9-40. 10.1558/cis.v9i1.26766.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2019). "PAS dari 2008 hingga 2018: Transformasi dan Cabaran." *Jurnal Kajian Malaysia*, Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad, S.Y., & Sulaiman, N. (2008). Kedudukan Barisan Nasional Dalam Pilihan Raya Malaysia: Berakhirnya Era Hegemoni. Eds. Kabul, W., Haron, S., Kib, M.Z.M., & Rosline, A.K. Seminar Politik Malaysia. Shah Alam.
- Azmi, Z. (2020). PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi dan Peranan Wanita. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 428-462.
- Bartels, L. M. (2014). *Ideology and retrospection in electoral responses to the great recession*. Dissertation, Vanderbilt University.
- Dasar Belia Malaysia. (2015). Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Dettman, S. C., & Gomez, E. T. (2020). Political financing reform: Politics, policies, and patronage in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 50(1), 36-55.
- Fochmann, M., Sachs, F., Sadrieh, A., & Weimann, J. (2018). The two sides of public debt: Intergenerational altruism and burden shifting. *PLoS One*, 13(8).
- Gomez, O. C. (2018, July 4). 'Cover story: The impact of the national debt'. *The Edge Malaysia*. Diambil dari <http://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-impact-national-debt>
- Hamid, F. A.F., & Jalani, H. (2010). Beberapa Pandangan Mengenai Islam Dari Perspektif Parti Politik Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, 5, 117-130.
- Haslinda, A., Dzuhailmi, D., Azimi, H., Ismi Arif, I., Ezhar, T., Abdul-Lateef, A., Sarjit, S.G., Nobaya, A. & Turiman, S. (2012). Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 13-19.
- Ismail, M.T. (2018). Kejatuhan Umno Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Analisis Pengajaran Politik. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 319-342.
- Isa, N.M. (2001). *The Islamic Party of Malaysia (PAS)*. Kuala Lumpur.
- Ismail, M.T., & Hamid, A.F.A. (2012). UMNO dan Konservatisme. Eds. H.Zuan & R. Hamdan, *Wacana Baru Politik Malaysia. Perspektif Ruang Awam, Budaya dan Institusi*, pp. 97-120, Vinlin Press Sdn Bhd: Selangor.
- Jan, W.S.W. (2020). *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?* (1 ed.). ISEAS–Yusuf Ishak Institute.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Evolusi dan dinamika geopolitik dan sosiopolitik gerakan politik di Malaysia. e-Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(2), 12-28.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff. (2021). Pasca PRU-14: Dinamika politik menuju PRU-15. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 471-584. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan
- Khoo, B. T. (2013). The 13th general elections (GE13) in Peninsular Malaysia: An analysis of issues, outcomes, and implications. 13th General Election in Malaysia: Issues, Outcomes, and Implications.
- Kumpoh, A.A.A. (2020). 'Masuk Melayu' in The Context of Conversion to Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 83-94
- Lee, K.TW., & Wong, W.W. (2020). Framing Jawi-Khat Move: A Comparative Analysis of Chinese, English and Malay-language Newspapers in Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 36(4), 194-210

- Mahmud, H. (14 September 2019). 'Kandungan Piagam Muafakat Nasional', *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/496585/kandungan-piagam-muafakat-nasional>
- McLeod, J. M. (2000). Media and civic socialization of youth. *Journal of Adolescent Health*, 27(2), 45-51. [https://doi.org/10.1016/S1054-139X\(00\)00131-2](https://doi.org/10.1016/S1054-139X(00)00131-2)
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2020). "The Dynamics of PAS and UMNO in Malaysian Politics: A Study of Their Shifting Strategies and Alliances (2008-2018)." *Asian Journal of Political Science*.
- Mohd Azhar Abd Hamid & Kassim Thukiman. (2022). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agen-da-perpaduan-nasional>. 23 November.
- Mohd Nur, M. R., & Ahmad, M. (2013). The Malay Muslim dilemma in Malaysia after the 12th general election. *Malaysian Journal of Democracy and Election Studies*, 1(1), 10-23.
- Mohd Sani, M. A. (2014). Malaysia's 13th general election: Political partisanship in the mainstream print media. *Asia Pacific Media Educator*, 24(1), 61-75. doi:10.1177/1326365x14539186
- Mohamad, M. (2017). Religion and politics in Malaysian nation-building: a "double-movement" of hegemonic and plural Islam. *Inter-Asia Cultural Studies*, 18(3), 445-453. DOI: 10.1080/14649373.2017.1346168
- Mohamad, R., Ibrahim, R.Z.A.I., Saputra, J., & Saat, S.A. (2021). *A Study of Democracy and the Political Change in Malaysia*. Proceedings of the 11th Annual International Conference on Industrial Engineering and Operations Management Singapore, March 7-11, 2021.
- Mohammad Tawfik & Md Rasip, O. (2018). Impak Kerjasama Politik Umno-Pas Terhadap Perkembangan Islam Di Malaysia Dari Tahun 1973 Hingga 1978. *Sains Insani*, 2(1), 12-16.
- Muhammad, M. (1998). Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad Dari 1970-1990: Kesenambungan dan Perubahan. *Tesis Kedoktoran*, Universiti Malaya.
- Norazlan Hadi Yaacob. (2022). Gerakan Islam dan demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan kerjasama. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman & Abu Hanifah Haris (Editor). *Budiman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ostwald, K. (2017). Malaysia's Electoral Process: The Methods and Costs of Perpetuating UMNO Rule. *ISEAS, Yusof Ishak Institute*
- Podoksik, E. (2017). What is a Nation in Nationalism? *Journal of Political Philosophy*, 25(3), 303-323.
- Rahman, D. (2018, February 15). 'Vote if you want to be heard'. *The Star Online*. Diambil dari <https://www.thestar.com.my/opinion/columnists/whatsyour-status/2018/02/15/vote-if-you-want-to-be-heard-young-people-willagain-be-a-factor-in-ge14-they-of-course-have-a-lot-a/>
- Rahman Imuda. (2022). *Politik Sarkis: Malaysia Pasca 9 Mei 2018*. Kuala Lumpur: Ilham Books.
- Saat, N. & Alatas, A. (2022). Islamisation in Malaysia Beyond UMNO and PAS. *ISEAS*, 2022(96), 1-9.
- Sigel, R. (1970). Assumptions about the learning of political values. In Greenberg, E. S. (Edt.). *Political socialization*. Pp. 19-23. New York: Atherton Press.

- Stubbs, R. (1979). The United Malays National Organization, the Malayan Chinese Association, and the Early Years of the Malayan Emergency, 1948–1955. *Journal of Southeast Asian Studies*, 10(1), 77-88. doi:10.1017/S002246340001184X
- Salleh, M.S., Syakir, M., & Rosdi, B.M. (2014). Islamic Political Economy: A Special Reference to the Use of Tahaluf Siyasi in the State of Kelantan, Malaysia. *American International Journal of Contemporary Research*, 4(5), 118-130.
- Saat, I. (2013). Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 122-137.
- Sarom, M., & Yusoff, S. (2022). Langkah Perpaduan Sunnah Nabawiyah Sebagai Nilai Tambah Kepada Agenda Perpaduan Negara. *Journal Hadis*, 12(23), 51-62.
- Thillainathan, R., & Cheong, K-C. (2016). Malaysia's New Economic Policy, Growth and Distribution: Revisiting the Debate. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53, 51-68.
- Ufen, A. (2020). Clientelist and Programmatic Factionalism Within Malaysian Political Parties. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 39(1), 59–81.
- Weiss, J. (2020). What Is Youth Political Participation? Literature Review on Youth Political Participation and Political Attitudes. *Front. Polit. Sci.* 2, 1. doi: 10.3389/fpos.2020.00001
- Washida, H. (2019). The origins and (failed) adaptation of a dominant party: The UMNO in Malaysia. *Asian Journal of Comparative Politics*, 4(1) 61–80.
- Zain, M.I.M., & Din, M.D.M. (2022). Democratic Dilemma of Malay Islamic Party: PAS, Coalition Pattern, and Rising Social Issues. *Studia Islamika*, 29(1), 83-109. DOI: 10.36712/sdi.v29i1.16330